Masalah Umat Islam Kini dan Penyelesaian

Oleh : Prof Dato' Dr Haron Din

MUQADDIMAH

Manusia tetap manusia, dari dahulu hingga sekarang. Kejadiannya tidak berubah. Tujuan hidup mereka tidak berubah.Keperluan asas di sepanjang sejarah yang dilalui oleh manusia juga tidak berubah. Apa yang bertambah adalah bilangan mereka. Daripada Nabi Adam a.s. dengan Hawa a.s., anak-pinak dan cucu-cicit mereka telah bertambah begitu ramai hingga melewati angka 4 billion orang.

Pada zaman Nabi Adam a.s., meskipun bilangan anak-anaknya ketika itu tidak ramai sedangkan bumi tempat mereka tinggal itu luas, rezeki melimpah-ruah, namun anak-anak baginda sudah pun berhadapan dengan masalah. Pertelingkahan berlaku di antara Habil dan Qabil yang berpunca daripada masalah siapakah yang berhak mengahwini Aqlaima. Masalah itu memuncak sehingga berakhir dengan Qabil membunuh Habil.

Masalah anak Nabi Adam a.s. tidak berhenti sekadar pergaduhan adik-beradik ketika itu, malah terus berlaku dari semasa ke semasa yang kerananyalah Allah s.w.t. mengutuskan RasulNya, silih-berganti hingga kepada Rasul terakhir Nabi Muhammad s.a.w. Tujuan utama kebangkitan Rasul-Rasul itu adalah untuk memperbetulkan perjalanan hidup manusia dan menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka.

Kita ini sedang berada pada penghujung zaman (akhir zaman). Alam ini sudah amat uzur. Dunia ini sudah terlalu tua. Apa yang anehnya ialah dunia ini semakin hari semakin berhias cantik, kelihatan semakin indah dan lebih menarik, seolah-olah sedang berada pada zaman remajanya, sedangkan hakikatnya tidak. Kalaulah dunia ini boleh dibayangkan seperti seorang yang amat tua, dan si tua itu asyik berhias cantik dan berperangai seperti orang muda, tentu dapat dibayangkan masalah-masalah yang dihadapinya.

Umat Islam sepatutnya menjadi umat contoh, umat yang terbaik yang diciptakan Allah s.w.t. Tetapi oleh sebab berbagai-bagai masalah yang dihadapi, mereka berubah menjadi “Pak Turut”, menurut jejak langkah umat yang tidak sealiran dengan mereka.Kerana itu agama mereka tercicir dan langkah mereka pun pendek, tidak dapat menuruti bangsa yang menjadi ikutan mereka. Maka tidak hairanlah masalah mereka semakin bertambah. Oleh itu, persoalan masalah yang dihadapi oleh umat Islam kini perlu dibentangkan untuk dicari penyelesaiannya sekadar yang kita mampu.

MENGENALI UMAT CONTOH

Berdasarkan kepada pernyataan al-Quran, manusia pada masa sebelum dibangkitkan oleh ajran Nabi Muhammad s.a.w., sedang berada di tepi tebing kemusnahan dan kehancuran. Kemudian, mereka diselamatkan oleh corak kehidupan baru yang berdasarkan al-Quran. Manusia yang berada dalam kegelapan kufur telah diterangi

oleh cahaya iman, daripada pengabdian diri kepada makhluk Allah s.w.t., kepada pergantungan dan penyerahan diri kepada Allah s.w.t.

Dengan hidayat daripada Allah s.w.t. dan petunjuk daripada Nabi Muhammad s.a.w., suatu perubahan yang amat besar berlaku ke atas masyarakat jahiliah ketika itu, berubah daripada masyarakat yang sedang berpecah-belah dan bermusuh-musuhan kepada umat yang bersatu serta berkasih saying. Daripada berpegang kepada nilai hidup yang berteraskan kepada hawa nafsu, mereka berubah daripada mematuhi perintah Allah s.w.t. yang sentiasa mengharapkan keredhaan dan keampunanNya.

Masyarakat Arab Jahiliah menerima perubahan yang begitu besar, hingga mereka menjadi sebaik-baik umat yang diciptakan oleh Allah s.w.t. di atas muka bumi untuk dicontohi. Firman Allah s.w.t., maksudnya:

“Kamulah sebaik-baik umat yang dikeluarkan bagi manusia.” (Ali ‘Imran 3: 110)
Umat Nabi Muhammad s.a.w. pada zaman kebangkitannya bukan sahaja disifatkan sebagai sebaik-baik umat seperti di dalam ayat tadi, malah disebutkan sebagai:
Maksudnya: “Dan bagi Allah kemuliaan, bagi RasulNya dan bagi orang-orang mukmin.” (al-Munafiqun 63: 8)

Kemuliaan yang dimiliki oleh orang-orang Islam itu berpunca daripada mereka memohon kepada Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t., maksudnya:

“Sesiapa yang menghendaki kemuliaan, maka bagi Allahlah segala kemuliaan.” (Fatir 35: 10)

“Apakah dicari kemuliaan di sisi mereka (orang-orang kafir), maka sesungguhnya kemuliaan itu bagi Allah semuanya.” (al-Nisa’ 4: 139)

Umat Islam tidak lagi berasa rendah diri dalam keadaan hina kerana ditindas oleh musuh,m alah mereka sudah berubah menjadi gagah dan bertaraf tinggi.

“Dan jangan kamu berasa hina dan jangan berdukacita, kamulah yang lebih tinggi, jika kamu beriman (kepada Allah).” (Ali ‘Imran 3: 139)

Dengan perubahan sikap dan dengan pergantungan kepada Allah s.w.t. serta penyerahan diri kepadaNya, serta patuh kepada titah perintahNya, umat Islam telah lahir sebagai umat contoh. Hasilnya mereka mendapat kemenangan. Negeri-negeri baru dibuka dan diteroka untuk memperkenalkan Islam. Sebuah demi sebuah negeri musuh jatuh ke tangan Islam. Kepalsuan terbongkar dan jatuh tersungkur ke bumi. Kebenaran daripada Allah s.w.t. terserlah dan tertegak gagah. Kemenangan demi kemenangan, dalam segala lapangan penghidupan dicapai oleh umat Islam. Agama mereka tertegak dan menegak tinggi menjulang langit.Umat Islam menjadi gagah dan mulia.

Tetapi sekarang di mana semuanya itu? Segala kehilangan itu? Di mana kemuliaan dan ketinggian yang pernah suatu ketika dahulu menjadi milik kita? Mengapa perpecahan dan permusuhan terus wujud dalam masyarakat Islam? Mengapa agama yang menjadi pegangan mereka kelihatan macam terpisah daripada mereka? Apakah masalah-masalah yang dihadapi sekarang, sehingga membenamkan kekuatan umat ke dalam bumi? Dengannya kita kelihatan seperti tidak bermaya. Apakah penyelesaian bagi semua masalah ini?

PERMASALAHAN UMAT JAHILIAH DAHULU DAN UMAT JAHILIAH SEKARANG

Memang benar umat Islam sedang menghadapi masalah, sama ada masalah antarabangsa atau masalah kebangsaan. Malah dalam sesuatu kelompok kecil dalam sebuah masyarakat kecil pun, tidak terlepas daripada masalah, ada yang besar dan ada yang kecil, ada yang amat penting dan ada yang kurang penting. Semuanya akan bergantung kepada sejauh mana kita peka dengan permasalahan ummah yang wujud, dan dari sudut mana kita melihat permasalahan itu.

Bagi memudahkan kita mengenali masalah-masalah yang dihadapi oleh umat Islam, eloklahkita melihat kembali sejarah kebangkitan umat di samping melihat dan meneliti peringatan-peringatan al-Quran al-Karim yang menggariskan panduan kepada umat Islam. Semoga dengan penelitian ini semua itu akan memudahkan kita melihat permasalahan kita bagi dicari penyelesaian yang benar-benar diperlukan ini.

Pada zaman pra-Islam, manusia dalam sejarahnya telah mengikut cara hidup jahiliah. Cara hidup itu telah digambarkan oleh Jaafar Ibn Abi Talib dih adapan Najashie (Mahraj Habashah) ketika beliau berhadapan dengannya semasa perpindahan pertama berlaku. Jaafar menjelaskan kepada Najashie tentang sifat-sifat utama cara hidup masyarakat jahiliah dengan katanya yang bermaksud: “Kami dahulunya adalah orang-orang jahiliah. Pada zaman itu kami menyembah berhala, memakan bangkai, menyakiti (memusuhi) jiran tetangga, melakukan berbagai-bagai perlakuan keji dan mungkar. Orang yang kuat di kalangan kami menindas dan menganiaya orang yang lemah (dan bermacam-macam lagi), sehingga agama Islam didatangkan kepada kami lalu berubahlah kami menjadi umat baru (Islam)…”

Jahiliah sebenarnya merupakan suatu system hidup yang mempunyai kepercayaan beragama dan peraturan hidup serta hukum-hakamnya sendiri.Hal ini diakui sendiri oleh al-Quran al-Karim, bahawa mereka ada kepercayaan terhadap Tuhan.

“Dan jika kamu bertanya mereka, siapakah yang menciptakan segala langit dan bumi serta menjadikan matahari dan bulan, nescaya mereka berkata Allah.” (al-‘Ankabut 29: 61)

“Dan jika kamu bertanya mereka, siapakah yang menurunkan hujan dari langit, lalu dengannya dihidupkan bumi yang gersang, nescaya mereka berkata Allah.”
(al-‘Ankabut 29: 63)

Meskipun begitu tepat jawapan mereka tentang pencipta alam semesta, dengan mengaku Allahlah yang melakukan segala-galanya, akan tetapi yang sebenarnya mereka membohongi diri mereka sendiri.Mereka hanya melahirkan pendapat seolah-olah mereka beriman, sedangkan pada hakikatnya mereka tidak beriman. Al-Quran sendiri menyebut dan membongkar rahsia hati mereka.

“Kalau kamu bertanya mereka: Siapakah menciptakan mereka, nescaya mereka menjawab Allah.Maka bagaimanakah mereka dapat dipalingkan daripada menyembah Allah yang sebenar (kepada menyembah yang lain) dan (Allah mengetahui) ucapan Muhammad s.a.w., ‘Ya Tuhanku sesungguhnya mereka itu adalah kaum yang tidak beriman.’ Maka berpalinglah (hai Muhammad) daripada mereka dan katakanlah: Salam (selamat tinggal semuanya), kelak mereka akan mengetahui (nasib mereka yang buruk).” (al-Zukhruf 43: 87 – 89)
Golongan yang serupa dengan itulah, al-Quran mengesahkan lagi:

“Dan ada di antara manusia (orang jahiliah) yang berkata: ‘Kami beriman dengan Allah dan dengan hari akhirat’, tetapi sebenarnya mereka tidak beriman, mereka hanya menipu Allah, dan orang-orang yang beriman denganNya, sedang sebenarnya, mereka tidak menipu melainkan diri mereka sendiri, cuma mereka tidak sedar. Dalam hati mereka ada penyakit (hati) lalu Allah menambahkan lagi sakit itu dan bagi mereka azab yang bersangatan pedih sebagai balasan kepada apa yang mereka dustakan.” (al-Baqarah 2: 8 –10)

Manusia-manusia jahiliah mengakui kewujudan Allah s.w.t dan mempercayai kekuasaan dan penciptaanNya. Pada waktu yang sama, mereka tidak menyembah dan mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar pengabdian. Mereka menyembah dan mempercayai sesuatu yang lain daripada Allah s.w.t. Kerana itu, Allah s.w.t. menurunkan perintahnya, maksudnya:

“Sesungguhnya kami turunkan kepada engkau (hai Muhammad) kitab al-Quran dengan (membawa) kebenaran, maka sembahlah Allah dengan seikhlas-ikhlas hati kerana agamaNya. Ingatlah hanya kepunyaan Allah, agama yang bersih dan murni.” (al-Zumar 39: 2- 3)

Malangnya orang-orang jahiliah tetap tidak mahu menerima semuanya itu, mereka masih berkeras hendak menyembah juga berhala-hala yang mereka ciptakan dengan tangan mereka sendiri.Apabila ditanya mengapa mereka berbuat demikian? Mereka menjawab, seperti yang Allah s.w.t. kisahkan di dalam al-Quran:

“Dan mereka-mereka yang mengambil pelindung (menyembah) selain daripada Allah,mereka beralasan: Kami tidak menyembah mereka, melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya.” (al-Zumar 39: 3)

Sebenarnya perbuatan dan alasan seperti ini hanya rekaan mereka semata-mata, sedangkan Allah s.w.t. sendiri tidak mengizinkan mereka berbuat demikian. Kerana itu,

di hujung ayat yang tersebut di atas itu (al-Zumar 39: 3) Allah s.w.t. menyanjung dengan firmanNya yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah akan menghukum (memutuskan) di antara mereka tentang apa yang mereka berselisih padanya. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang yang amat pendusta lagi amat kufur.” (al-Zumar 39: 3)

Al-Quran menyebut lagi, maksudnya: “Apakah hukm (undang-undang) jahiliah yang mereka kehendakkan dan (hukum) siapakah yang lebih baik daripada (hukum) Allah bagi orang-orang yang yakin.” (al-Ma’idah 5: 50)

Jahiliah juga merupakan suatu sentimen perkauman sempit yang menjadikan mereka patuh dan tunduk kepada sentimen itu, sehingga sukar untuk menerima perubahan. Mereka lebih kukuh berpegang kepada cara hidup yang mereka pusakai daripada nenek-moyang mereka:

“Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu semua mengikut kepada apa yang diturunkan oleh Allah dan kepada Rasul lalu mereka itu berkata cukup memadailah bagi kami apa yang kami dapati daripada bapa-bapa kami meskipun bapa-bapa mereka itu tiada pengetahuan suatu apa pun dan tidak pula mendapat petunjuk.” (al-Ma’idah 5: 104)

Masyarakt jahiliah amat sombong dan besar diri dengan apa yang mereka miliki. Di dalam hati mereka penuh dengan kesombongan itu. Kerana itu Allah s.w.t. menjadikan hati-hati mereka penuh dengannya.

“Dijadikan kepada mereka yang kafir kesombongan di hati mereka yang dikenali dengan kosombongan jahiliah.” (al-Fath 48: 26)

Kesombongan itu menyebabkan mereka memandang rendah akan Rasul:
“Dan mereka (orang-orang jahiliah) berkata: Mengapa Rasul itu memakan makanan dna berjalan-jalan di pasar-pasar.Mengapa tidak diturunkan kepadanya seorang Malaikat yang boleh membantu memberi peringatan (kepada kamu). Atau dicampakkan sahaja keapdanya harta berharga (dari langit) atau dia mempunyai sebidang dusun (kebun) yang dapat dimakan hasilnya. Berkata lagi orang-orang zalim (kafir) itu: Tiadalah yang kamu ikut itu melainkan seorang lelaki yang kena sihir.” (al-Furqan 25: 7 – 8)

Umat jahiliah adalah suatu umat yang suka menegakkan kebatilan dan memerangi kebenaran. Apa yang mereka warisi itulah pegangan mereka. Apa sahaja bukti yang dibawa untuk meruntuhkan kepercayaan sesat mereka, tetap mereka sangkal dan berpegang kepada kepercayaan mereka juga. Ketika orang-orang jahiliah tidak mempercayai al-Quran, Allah s.w.t. mencabar mereka agar menandingi ciptaan Allah s.w.t. dengan ciptaan mereka:

“Dan jika kamu ragu-ragu tentang (aurat) yang Kami turunkan ke atas hamba Kami (Muhammad) maka perbuatkanlah olehmu satu surah seumpamanya dan jemputlah saksi-saksi kamu selain daripada Allah. Jika kamu orang yang benar. Jikalau tidak kamu lakukan dan tak akan dapat kamu lakukan, yang demikian itu, maka takutlah kepada api neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu-batu yang disediakan untuk orang-orang kafir.” (al-Baqarah 2: 23 – 24)

Orang-orang jahiliah sengaja menolak kebenaran yang terbentang di hadapan mata mereka, setelah mereka meminta bukti itu dan dibuktikan dengan jayanya oleh Nabi Muhammad s.a.w. Di antara peristiwa yang berlaku ialah bulan terbelah dua, seperti yang dikisahkan di dalam ayat-ayat ini:

“Telah hampir (kedatangan) hari kiamat dan telah terbelah dua bulan. Jika mereka (orang-orang jahiliah) melihat suatu petanda (yang jelas tentang kenabian Muhammad s.a.w.), mereka berpaling daripadanya dan berkata: Semuanya itu adalah perbuatan sihir yang berterusan. Mereka mendustakan dan mengikut hawa nafsu mereka, sedang pada tiap-tiap hal yang berlaku telah ada ketetapannya.” (al-Qamar 54: 1 – 3)

Masyarakat jahiliah tidak berhenti setakat sekadar yang tersebut itu sahaja. Permusuhan dan penolakan mereka terhadap Nabi Muhammad s.a.w. dan Islam yang dibawanya terus dipertingkatkan hingga mereka mengambil keputusan untuk membunuh baginda seperti yang Allah s.w.t. sebutkan di dalam al-Quran:

“Dan ingatlah ketika orang-orang kafir (Quraish) memikirkan tipu-daya mereka terhadapmu untuk menangkap dan memenjarakan kamu atau membunuhmu atau mengusir kamu (keluar dari Makkah). Mereka memikirkan tipu-daya yang kotor dan Allah menggagalkan tipu-daya itu dan Allahlah sebaik-baik pembalas kepada tipu-daya mereka.” (al-Anfal 8: 30)

Daripada urutan sejarah yang tersebut, fahamlah kita bahawa masyarakat Arab jahiliah dahulu mempunyai masalah-masalah yang begitu ketara. Kerananya Allah s.w.t. membangkitkan RasulNya, Muhammad s.a.w., untuk menyelesaikan masalah-masalah itu. Dengan petunjuk utusan dan dengan bimbingan Nabi Muhammad s.a.w. msalah masyarakat jahiliah terhurai, lalu mereka berubah menjadi umat Nabi Muhammad s.a.w. yang amat setia kepada jalan yang dibawa oleh baginda. Mereka hidup mulia dan menjadi contoh utama.

Zaman berlalu begitu pantas. Umat Nabi Muhammad s.a.w. telah berubah dengan berbalik semula kepada zaman jahiliah yang disifatkan oleh Sayyid Qutub sebagai “Jahiliah Kurun Dua Puluh”.

Al-Quran pula menyatakan, maksudnya:
“Maka datanglah sesudah mereka (yang dahulu) generasi baru (yang jahat dan ingkar) yang mewarisi al-Kitab. (Mereka tidak mempedulikan al-Kitab), tetapi lebih mementingkan harta benda dunia yang rendah (mutunya), lalu mereka berkata ‘Allah akan memberi ampun kepada kami.” (al-‘Araf 7: 169)

Ayat tersebut itu meskipun pada hakikatnya mengisahkan hal orang-orang yang diberi Taurat tetapi tidak mempedulikan kitab Allah s.w.t. itu, akan samalah bandingannya dengan umat yang diberi al-Quran tetapi meninggalkan aturannya kerana hal-hal keduniaan yang sempit, yang mereka kejarkan sehingga membelakangkan petunjuk al-Quran yang dengannya menimbulkan masalah demi masalah:

Seterusnya al-Quran lebih jelas menyatakan, maksudnya:
"Maka datanglah sesudah mereka angkatan baru yang meninggalkan solat dan menurut hawa nafsu, maka kelak akan tersesat dari jalan yang benar kecuali orang-orang yang bertaubat, beriman dan beramal soleh. Maka mereka itulah yang akan masuk syurga dan tidak teraniaya sedikit pun." (Mariam 19: 59 – 60)

Umat Islam pada hari ini lebih mirip kepada apa yang disebut di dalam ayat-ayat tadi yang meskipun tidak boleh dikatakan ayat-ayat itu bulat-bulat ditujukan kepada kita secara khusus. Akan tetapi fakta dan fenomena umum seolah-olah menepati dengan keadaan umat Islam kini.

MASALAH BESAR YANG DIPANDANG KECIL

Apabila kita berhadapan dengan tajuk masalah umat Islam pada hari ini tentu ada yang lebih suka melihat masalah-masalah yang ketara di hadapan mata kita untuk dijadikan bahan perbincangan seperti masalah perpaduan, kepincangan organisasi, kelembapan ekonomi, kemerosotan mutu pelajaran dan teknik, masalah budaya Islam dan budaya barat, fenomena keruntuhan akhlak, penyalahgunaan dadah dan lain-lain. Akan tetapi di dalam kertas ini, sengaja melewati pandangan dan perhatian kepada masalah-masalah itu untuk ditunjukkan masalah lain yang lebih besar dan lebih parah risikonya kepada umat Islam.

Masalah sebenar yang dihadapi oleh umat Islam ialah masalah berbangkit yang kerananya Rasul-Rasul dibangkitkan seorang demi seorang sejak daripada Nabi Adam a.s. kepada Nabi Muhammad s.a.w., untuk menyelesaikannya. Masalah-masalah itu adalah seperti berikut.

Masalah Iman dan Taghut (Syaitan dan Sekutu-Sekutunya)
Allah s.w.t. mengingatkan manusia, maksudnya: "Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Rasul pada tiap-tiap umat untuk menyeru mereka agar menyembah (menyerah diri) kepada Allah sahaja dan hendaklah menjauhkan diri pada daripada taghut." (Nahl 16: 36)

Persoalan iman adalah persoalan pokok yang menjadi punca kepada segala-galanya. Rasul diutuskan untuk menjelaskan persoalan itu dengan sebaik-baiknya; untuk membimbing manusia ke jalan yang benar, jalan menuju Allah s.w.t. dengan membulatkan kepada Tuhan dan ketaatan kepadaNya di dalam serba-serbi bidang kehidupan. Jalan iman adalah jalan lurus. Jalan yang mendapat rahmat Allah s.w.t. di dunia dan di akhirat. Allah s.w.t. berfirman,maksudnya:

“Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri (di dunia) beriman dan bertaqwa (kepada Allah) pastilah Kami (Allah) akan melimpahkan barakah (rezeki dan sebagainya) dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (kufur dengan ayat-ayat Kami) maka Kami seksa mereka disebabkan perbuatan mereka sendiri.” (al-A’raf 7: 96)

Oleh kerana persoalan pengukuhan iman dengan secara menjauhi taghut (syaitan dan sekutu-sekutunya) sudah dipandang remeh serta tidak mendapat tempat dalam senarai masalah umat, maka lenyaplah masalah itu ditimbun oleh masalah-masalah lain. Kerana itu, untuk menimbulkan dan mengukuhkan iman, maka perlulah ia digarap dan sentiasa dibaja dan dikawal daripada musuhnya.

Di antara musuh utama kepada Islam itu ialah syirik dengan segala cabangnya, kufur dengan segala keadaannya, maksiat dengan selok-beloknya.

Masalah kemerosotan ekonomi, kebimbangan dan ketakutan yang lahir daripada keadaan kesusahan dan kepapaan hidup sebenarnya tidak boleh dipisahkan daripada masalah keimanan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t. Segala rezeki yang dianugerahkan Allah s.w.t. kepada manusia yang kelihatan naik turun keadaannya, juga bergantung kepada darjah keimanan tersebut. Cuba lihat kepada sepotong ayat Allah s.w.t., maksudnya:

“Dan Allah telah memberikan suatu contoh (peringatan) dengan sebuah negeri yang dahulunya amat aman lagi tenteram. Rezeki didapati (datang) padanya melimpah-ruah dari segenap tempat. Tiba-tiba penduduknya (berubah) mengkufuri nikmat Allah (dengan menderhaka kepadaNya). Maka kerananya dibalas dengan memberikan pula mereka merasa kesusahan sehingga terjadi kelaparan dan ketakutan berpunca daripada perbuatan (kekufuran) yang mereka lakukan.” (Nahl 16: 112)

Ayat ini jelas memberi gambaran bahawa masalah kemelesetan ekonomi hingga menyebabkan kebuluran kepada sebuah negeri yang dahulunya senang dan kaya-raya, adalah berpunca daripada sikap manusia yang tidak tahu berterima kasih kepada Allah s.w.t. Begitu juga masalah keamanan yang sentiasa mengancam manusia baik daripada masalah-masalah dalaman mahupun luaran yang menyebabkan manusia sekarang berada dalam kebimbangan danketakutan, juga berpunca daripada masalah iman.

Orang yang beriman dan beramal soleh dengan sebenarnya akan terlepas daripada semua kebimbangan, ketakutan dan kedukacitaan itu. Allah s.w.t. berfirman, maksudnya:

“Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal segala yang soleh, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat, bagi mereka itu pahala dari sisi Tuhan mereka, dengannya mereka tidak akan berasa sebarang ketakutan dan mereka tidak pula berdukacita.” (al-Baqarah 2: 277)

Persoalan kemerosotan ekonomi yang membawa kepada masalah kemiskinan yang menjadi focus utama masyarakat Islam kini sehingga menjadikan masalah itu masalah besar yang mesti diperangi habis-habisan, sebenarnya jika ditinjau dari sudut al-Sunnah, apakah ianya benar-benar masalah besar dan berat, maka kita akan dapati masalah itu kecil.

Dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, maksudnya:
"Bukanlah kefakiran yang aku takut berlaku ke atas kamu, tetapi yang paling aku takut kekayaan dunia yang melimpah-ruah ke atas kamu, yang dengannya kamu berlumba (mengejar harta itu hingga lupa kepada Allah) sepertimana umat-umat lain sebelum kamu berlumba-lumba (mengejarnya) sehingga mereka binasa sepertimana kamu juga akan binasa."

Masalah Keraguan Terhadap Islam

Islam yang diimani oleh umat Islam kini banyak yang boleh dipersoalkan tentang sejauh manakah kekuatan fahaman itu pada diri mereka. Apakah Islam telah diubahsuai untuk disesuaikan dengan selera dan zaman yang kita lalui ini, ataupun masih boleh dikatakan Islam itu tetap dengan keasliannya? Masalah ini ada hubungan dengan maruah bangsa dan agama, di mana ketinggian dan kehinaan umat Islam itu banyak bergantung kepada komitmen kepada hukum-hakam Allah s.w.t. Memadailah rasanya kalau kita lihat kepada sepotong ayat al-Quran iaitu: Maksudnya;

"Bacalah kepada mereka berita tentang orang-orang yang kami datangkan keapda mereka ayat-ayat kami (hukum-hukum Allah) lalu mereka melepaskan diri (membuang danmeninggalkannya) daripada ayat-ayat itu. Maka syaitan pun menunggangi mereka sehingga mereka menjadi orang yang sesat. Kalau kami kehendaki, nescaya kami angkat darjat mereka dengan pelaksanaan hukum-hukum daripada ayat-ayat itu. Akan tetapi (mereka) menumpang di bumi (seperti hendak kekal selama-lamanya) dan menurutkan hawa nafsunya maka bandingan mereka itu sama seperti seekor anjing (yang terjulur lidahnya). Dihalau (dihina) ia menjulurkan lidahnya, dibiarkan sahaja pun dijulur juga lidahnya, yang demikian itu adalah bandingan kepada kaum (bangsa) yang mendustakan (membelakangkan) ayat-ayat Kami, maka ceritakanlah kisah-kisah itu moga-moga mereka berfikir. Amat buruklah bandingan kamu (bangsa) yang mendustakan ayat-ayat Kami dan kepada kami mereka sendirilah mereka berbuat zalim." (al-A'raf 7: 175 – 177)

Masalah Kejahilan Terhadap Islam

Salah satu perkara yang benar, tetapi sukar hendak diakui ialah masalah kejahilan umat Islam terhadap Islam yang dipegang dan dianuti. Daripada kejahilan itu, timbullah tanggapan dan pegangan yang berbeza-beza terhadap Islam. Kerananya timbul perbalahan dan pertelingkahan yang kadang-kadang membawa kepada perpecahan dan permusuhan. Kerananya penghormatan kepada ilmu Islam itu sendiri tidak diberikan, yang menyebabkan ulama-ulama Islam dipandang rendah dan direndah-rendahkan.

Rasulullah s.a.w. menerima wahyu pertama mengisahkan permasalahan ilmu. Di antara tugasnya juga mengembangkan dan menyebarkan ilmu. Dalam hierarki ilmu, maka ilmu yang membawa manusia kepada beriman kepada Allah s.w.t. (ilmu makrifat) adalah ilmu yang tertinggi sekali yang perlu diberi perhatian dan kehormatan. Apabila ilmu itu dipandang ringan dan enteng maka berkembanglah ilmu yang menyesatkan manusia dari Allah s.w.t.

Jika dilihat daripada perkembangan ilmu dalam system pendidikan umum di dalam masyarakat Islam hari ini, kita akan dapati perkembangan ilmu-ilmu yang berasaskan kepada menjaga kepentingan hidup dunia begitu pesat dan begitu luas cabang dan bidangnya. Ilmu-ilmu dalam bidang bahasa dan sastera, dalam ekonomi dan pengurusan, dalam sains dan teknologi kelihatan sentiasa berkembang pesat dan pantas. Tetapi ilmu-ilmu dalam bidang mengenali Allah s.w.t. seolah-olah seperti telah beku dan kaku. Ilmu-ilmu tentang syariah pun demikian juga. Kerananya maka, tarikan terhadap ilmu-ilmu Islam akan berkurangan. Apabila ini berlaku maka kejahilan umat Islam semakin parah, akhirnya Islam tidak dikenali dengan baik maka kerananya timbul masalah demi masalah.

Masalah paling besar yang dihadapi oleh umat Islam dari dahulu hingga sekarang ialah kemurkaan dan kutukan Allah s.w.t. Hal ini telah berlaku, sedang berlaku dan akan berlaku ke atas umat Islam secara khusus, kerana merekalah umat yang diberi hidayah tetapi ada yang menolak hidayah itu. Mereka diberi al-Quran tetapi tidak mengenali dan memahaminya. Mereka diberi jalan yang lurus, tetapi memilih jalan bengkang-bengkok kerana pujukan hawa nafsunya.

Sekiranya berlaku kemurkaan dan kutukan Allah s.w.t., maka malapetaka besar akan menimpa umat Islam yang akan menyebabkan kesengsaraan di dunia dan keazaban yang dahsyat di akhirat. Firman Allah s.w.t., maksudnya:

“Maka adapun orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Allah akan menyempurnakan pembalasan (pahala) baik mereka dan menambah untuk mereka sebahagian daripada kurniaNya. Adapun orang yang enggan (mengingkari perintah) dan menyombong diri (menolak kebenaran), maka Allah akan menyeksa mereka dengan seksaan yang pedih dan mereka tidak akan memperolehi bagi diri mereka pelindung (pembela) dan penolong (pembantu), selain daripada Allah.” (al-Nisa’ 4: 173)

FirmanNya lagi yang bermaksud:
“Dan peliharalah dirimu daripada melakukan fitnah, kerana seksaan Allah terhadap kesalahan itu tidak sahaja terkena kepada orang yang melakukan kezaliman itu secara khusus sahaja (malah terkena kepada semua) dan ketahuilah bahawa Allah itu amat keras seksaannya.” (al-Anfal 8: 25)

Dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud “Hendaklah kamu menyuruh melakukan ‘makruf’ dan menegah mereka melakukan ‘mungkar’ kalau tidak, Allah akan menurunkan azabNya ke atas manusia.”

Sebenarnya amat banyak lagi keterangan-keterangan dari al-Quran dan al-Sunnah tentang ancaman Allah s.w.t. terhadap umat Islam yang merupakan sebesar-besar masalah yang perlu difikirkan dengan serius untuk mengelakkan azab tersebut. Penyelesaian perlu difikirkan dan dicari secara bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah itu. Bukan sahaja untuk melepaskan diri daripada masalah di dunia ini sahaja malah akan sampai ke akhirat nanti.

PENYELESAIAN

Setelah mengenali sepintas lalu tentang masalah-masalah pokok umat Islam kini, tanpa menafikan ada banyak lagi masalah lain, dengan segala cabangnya, yang tidak disebutkan di sini kerana menjaga ruang dan masa, maka pada hemat saya, terlebih dahulu perlulah kita memahami bahawa tidak ada jalan ringkas danpendek untuk menyelesaikan masalah besar yang dihadapi itu. Masalah-masalah itu telah lama berakar umbi dalam masyaarakat Islam, yang bermula sejak dari zaman keruntuhan Islam hingga kini. Kita hanya mewarisi masalah-masalah itu daripada orang-orang terdahulu danmenyedari akan akibatnya sekarang, dan perlu akan penyelesaian.

Masyarakat jahiliah yang disebutkan pada permulaan tulisan ini telah menghadapi berbagai-bagai masalah yang disifatkan oleh al-Quran sebagai:

“Dan kamu (masyarakat jahiliah) sedang berada di tepi tebing neraka (kemusnahan) maka kamu diselamatkan (oleh Islam) daripadanya.” (Ali ‘Imran 3: 103)

Ayat ini memberi suatu jalan penyelesaian kepada umat Arab ketika itu dengan memilih Islam sebagai suatu cara hidup bagi menyelesaikan semua masalah yang dihadapi. Kalau mereka telah berjaya, maka tentu juga kita boleh berjaya dengan memilih Islam sebagai suatu pilihan utama.

Islam sebagai suatu pilihan untuk menyelesaikan masalah, bukan Islam yang sekerat-kerat dan mengikut selera, malah Islam yang sebenar yang disebut oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran, maksudnya:

“Wahai orang yang beriman, masuklah ke dalam Islam keseluruhan (kesemuanya) dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh kamu yang paling nyata.” (al-Baqarah 2: 208)

Program utama bagi penyelesaian ini adalah dengan mengatur strategi untuk pulang kepada Islam secara yang lebih serius dan berkesan. Bukan dengan cakap dan lambang-lambang yang tidak bermakna.

Langkah penerapan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran kerajaan adalah suatu langkah yang baik dan perlu diberi sanjungan dan sokongan. Hal ini adalah suatu yang berguna untuk menyelesaikan masalah ummah. Apa yang perlu ditambah untuk lebih mengemaskan langkah tersebut ialah dengan meletakkan matlamat jangka waktu yang

akan dicapai. Tanpa jangka waktu dalam proses penerapan nilai-nilai Islam seperti sekarang ini, menyebabkan semua pihak yang terlibat tidak akan mengetahui sampai bila penerapan itu hendak digarapkan. Kerananya maka ada pihak yang belum memulakan usahanya, mungkin pada pandangannya, masa masih terlalu lama lagi. Ada yang begitu laju dan amat cergas hingga mencurigakan orang lain dan berbagai-bagai lagi. Kerana itu sasaran dan jangkamasa perlu dibuat dengan jelas.

Tanpa jangka waktu tertentu, program yang tersusun sukar dilaksanakan dengan baik. Program itu juga tidak dapat disemak: Manakah yang sudah dijalankan dan apa pula yang belum? Apakah tekanan yang patut diberi dan apa pula yang mesti diatasi segera?

Dalam memenuhi keperluan asas penerapan nilai Islam, penumpuan ke arah memahamkan Islam secara menyeluruh perlu disegerakan. Program ini hendaklah menyeluruh dan serentak keseluruh negara, melalui berbagai-bagai cara, di antaranya mengadakan kelas-kelas khusus untuk pendedahan ini secara wajib yang dimasukkan ke dalam sebahagian daripada tugas harian dalam kerjayanya.

Buku-buku agama yang difikirkan sesuai hendaklah dipilih dan dijadikan buku wajib yang mesti dibekalkan dan dipergunakan setiap hari sebagai bahan bacaan dan rujukan.

Untuk membolehkan program ini lebih berkesan, maka hendaklah seboleh-bolehnya persoalan-persoalan Islam dijadikan sebagai suatu persoalan penting dalam temuduga-temuduga kenaikan pangkat, di samping soalan-soalan lain yang berhubung dengan kerjayanya. Kegagalan seorang Islam untuk menjawab soalan-soalan mudah mengenai Islam amatlah serius dan sepatutnya dijadikan penghalang kepadanya untuk mendaki ke jawatan yang lebih tinggi.

Merujuk kepada Islam sebagai suatu penyelesaian masalah ummah, tentulah akan dirasakan terlalu umum untuk dilaksanakan dan seolah-olahnya tidak praktikal dalam bentuknya yang terlalu umum itu. Sebenarnya apabila kita merujuk kepada Islam sebagai suatu pilihan ertinya kita perlu meletakkan diri kita dan masyarakat dalam suatu keadaan yang seluruh potensi yang ada diletakkan di bawah kehendak Allah s.w.t. Meletakkan diri kita ke dalam senarai orang-orang yang beriman kepada Allah s.w.t. dengan sepenuh daya-upaya kita. Mengimani Allah s.w.t. sebagai Tuhan sebenar yang segala-galanya dirujukkan kepadaNya. Memahami diri kita sebagai insane yang tidak berdaya melainkan dengan izin Allah s.w.t.

“Tidak ada daya dan kekuatan melainkan dengan izin Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Adil.”

Kita hendaklah bergantung dengan sebenar-benar pergantungan yang benar kepada Allah s.w.t. kerana kita akan mendapt pertolongan daripada Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t., maksudnya:

“Dan sesiapa yang bergantung dengan Allah, maka sesungguhnya diberi petunjuk kepada jalan yang lurus.” (Ali ‘Imran3: 101)

Penyelesaian masalah umat Islam tidak seharusnya dipandang dari sudut yang sempit dalam jangkamasa yang singkat sahaja, malah perlu kepada penyelesaian yang luas dalam jangkamasa yang amat panjang. Penyelesaian masalah duniawi memang perlu, kerana di dunia kita sedang berpijak dan bekerja keras untuk kembali kepada Allah s.w.t. Tetapi kalau sekadar menyelesaikan masalah dunia sahaja, secara pandangan dan penyelesaian duniawi yang tidak dihubungkaitkan dengan masalah akhirat, maka bukanlah penyelesaian sebenar yang diperlakukan oleh umat Islam. Sebaliknya kalaulah masalah keakhiratan dapat dibereskan di dunia ini, dengan berusaha untuk menempah tempat yang baik di akhirat, maka itulah yang sebenarnya suatu penyelesaian yang memberi keuntungan yang sebenar.

Pada zaman Rasulullah s.a.w. banyak masalah keduniaan tidak diselesaikan dalam jangka waktu yangpendek, masalah keamanan dan penindasan serta penganiayaan masyarakat Quraish (jahiliah) terhadap umat Islam di Makkah, juga masalah sosio-ekonomi yang melanda masyarakat Islam ketika itu, tidak diambil langkah segera oleh Rasulullah s.a.w. untuk menyelesaikannya. Contoh hidup yang dapat disaksikan; apabila berlaku semua yang tersebut itum ada sahabat yang datang mengadu kepada Rasulullah, meminta penyelesaian segera bagi masalah itu dengan sekurang-kurangnya berdoa memohon kepada Allah s.w.t. agar memberi pertolongan segera kepada mereka untuk mengatasi masalah kehidupan. Rasulullah s.a.w. bertindak mengumpulkan umat Islam yang berada di sekitarnya ketika itu dan memberi penjelasan di antara lain sabdanya:

“…bahawa sesungguhnya orang yang sebelum daripada kamu (kerana mereka menjadi penganut Islam sebenar) mereka diseksa (oleh musuh) dengan menggunakan sikat besi sehingga tanggal daging daripada tulangnya, namun mereka tidak berganjak dari agamanya akan tetapi kamu gopoh (dengan tidak lebih banyak bersabar).”

Masalah-masalah yang begitu banyak yang dihadapi oleh umat Islam menjadikan mereka seperti kelumpuhan tenaga yang boleh mematikan semangat untuk lebih kuat bekerja mengatasi masalah. Berdasarkan kepada Islam, maka ada yang merasakan bahawa Islam tidak berupaya untuk menghidupkan balik keadaan yang hampir lumpuh itu. Sebenarnya Islam mampu menyelesaikan masalah ummah. Lihat firman Allah s.w.t., maksudnya:

“Wahai orang yang beriman, sahutilah (penuhilah) seruan Allah dan seruan Rasul apabila diseru kamu kepada sesuatu yang akan memberi kehidupan (yang lebih sempurna kepada kamu).” (al-Anfal 8: 24)

Sayangnya seruan itu tidak disahut oleh umat Islam maka berlakulah masalah demi masalah.

Untuk kembali kepada Allah s.w.t. bagi mendapatkan penyelesaian, umat Islam perlu mempunyai keyakinan yang bulat bahawa Islam mampu menyelesaikan masalah dalaman suatu jangka yang munasabah bagi mengatasi masalah lama yang mengongkong umat Islam. Rasulullah s.a.w. sendiri mengambil masa yang sesuai sebagai seorang Rasul akhir zaman bagi menyelesaikan segalanya. Begitu juga kita lebih memerlukan masa yang sesuai untuk melaksanakan kehendak Allah s.w.t. dalam masyarakat yang amat memerlukan penyelesaian secara Islam.

Keyakinan kepada diri dan kepada agama Islam sebagai teras penyelesaian masalah, memerlukan kepada ilmu yang cukup dan kefahaman terhadap Islam yang sebenar. Hal ini hanya akan berlaku jika Islam difahami dan dikaji dari sudut pendangan Islam itu sendiri, bukan dari sudut pandangan orang luar (yang bukan Islam) bagi mengatasi masalah kita.

Sekiranya diterima penyelesaian masalah ummah dalam bentuk yang disebutkan itu, maka langkah seterusnya ialah perlunya diubahsuaikan segala kegiatan kehidupan ummah seluruhnya agar selaras dengan kehendak Islam, secara yang berkesan dan bermaslahat (berfaedah). Apa yang tidak sesuai dengan Islam perlu ditukar sedikit demi sedikit, agar tidak menjadi suatu kegemparan. Cara hidup hendaklah dibiasakan dengan cara hidup Islam, melalui perubahanm, peraturan dan falsafah hidup yang bersendikan falsaah Islam.

KESIMPULAN

Selagi manusia bernama manusia dan selagi dunia ini tetap dengan sifat keduniaannya maka masalah-masalah hidup manusia dan dunia tidak akan habis. Umat Islam adalah suatu rumpun daripada rumpun-rumpun bangsa yang hidup di atas dunia ini, tentu sahaja menghadapi banyak masalah. Masalah umat Islam ada yang berpunca daripada dalam diri mereka sendiri, daripada sikap beragama tetapi tidak mahu berpegang sungguh-sungguh dengan ajaran agama mereka. Di samping itu, ada pula berpunca daripada permainan musuh yang sengaja mewujudkan masalah supaya mereka hidup dalam keadaan berpecah-belah.

Kalau hendakdisenaraikan umat Islam kini, maka pandangan dan penumpuan kita akan tenggelam dalam menghadapi banyaknya masalah-masalah itu. Daripada masalah kebangsaan kepada masalah antarabangsa, daripada masalah individu kepada masalah keluarga, masyarakat dan negara.

Punca utama masalah itu adalah kerana umat Islam telah jauh menyimpang daripada Islam itu sendiri. Allah s.w.t. telah membayangkan:

“Dan sesungguhnya (agama Islam) yang Kami turunkan ini adalah jalanKu yang lurus maka hendaklah kamu ikutinya dan jangan sekali-kali kamu mengikut jalan-jalan yang lain, kelak jalan-jalan itu akan memporak-porandakan kamu (menyesatkan kamu) daripada jalan (Allah) yang sebenar. Yang demikian itu diperintahkan Allah kepaamu agar kamu bertaqwa.” (al-An’am 6: 153)

Untuk memperbaiki umat Islam yang sedang berada dalam berbagai-bagai masalah hidup, penyelesaiannya jelas daripada apa yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w., maksudnya:

“Tidak akan menjadi baik umat ini melainkan dengan mencontohi apa yang boleh menjadi baik umat yang terdahulu.”

Kepimpinan Rasulullah s.a.w. tetaplah menjadi tauladan. Demikian juga kepimpinan Khulafa al-Rasyidin dan para pemimpin Islam yang berpegang teguh kepada Islam. Oleh itu kepimpinan yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah adalah salah satu cara yang mengatasi masalah umat.

Sebenarnya apa yang mengizinkan agar sesuatu masalah itu terjadi adalah Allah s.w.t. Perlakuan manusia hanya sebab ke arah masalah-masalah itu. Oleh itu, apa yang paling mampu menyelesaikan masalah umat itu ialah petunjuk Allah s.w.t. jua. Oleh itu, merujuk kepada Allah s.w.t. dalam menyelesaikan masalah umat adalah sesuatu yang wajar, seperti firmanNya yang bermaksud:

“Apakah Dia (Allah) yang menunjukkan kepada kebenaran, lebih patut (berhak) kamu ikutinya ataupun kamu hendak mengikut mereka yang tidak memiliki petunjuk, melainkan jika siberi petunjuk oleh Allah kepadanya, maka apakah kamu ini. Bagaimana kamu mambuat keputusan.” (Yunus 10: 35)

Islam adalah agama Allah s.w.t. yang sentiasa untuk diikuti oleh sesiapa sahaja, sentiasa bersedia memberi jalan untuk menyelesaikan masalah umat dari dahulu hingga sekarang. Kekurangan umat Islam hanyalah pada keyakinan untuk kembali kepada Islam itu sepenuhnya. Kalau sudah ada keyakinan dan bersungguh-sungguh untuk menjadikan Islam sebagai penyelesai masalah, maka Allah s.w.t. akan menolong hambanya menyelesaikan masalah.

“Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, akan dibukakan jalan keluar (penyelesaian masalahnya) baginya dan diberi rezeki kepadanya sehingga tidak teritung banyaknya.” (al-Talaq 65: 2 – 3)

Kalau masalah hidup sudah ada jalan penyelesaian yang sebenar dan masalah ekonomi (rezeki) pula telah diatasi dengan banyaknya anugerah Allah s.w.t., maka tercapailah penyelesaian yang dikehendaki untuk masyarakat Islam.

“dan kalau sekiranya penduduk sesebuah negeri beriman dan bertaqwa nescaya Kami bukakan kepada mereka keberkatan (pintu rezeki) dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (membelakangi ayat-ayat Kami) maka Kami seksa mereka (dengan berbagai-bagai masalah) daripada perbuatan mereka sendiri.” (al-A’raf 7: 96)

Jelaslah daripada ayat tersebut, punca masalah yang berlaku ke atas umat Islam adalah iman dan taqwa. Kalau masalah itu selesai maka yang lain-lainnya akan turut selesai dengan pertolongan Allah s.w.t.

SARANAN

“Islam” dalam erti kata yang sebenar adalah sebenar-benar penyelesaian kepada masalah umat Islam hari ini. Oleh itu, usaha yang lebih giat perlu dilakukan untuk meyakinkan semua pihak bahawa Islam mampu menghadapi semua keadaan dan mampu menyelesaikan semua masalah kerana Islam berbentuk “agama rabbani” (lihat muka surat 103).

Usaha memperdalamkan kefahaman Islam yang tidak sahaja terbatas kepada masalah-masalah ibadat yang sempit perlu digarapkan dalam bentuk yang lebih serius bagi menyampaikan gambaran sebenar tentang ruang lingkup Islam, kepada seluruh umat Islam yang tumpuannya perlu dibuat kepada golongan yang boleh mengubah keadaan dan berkuasa pula mengubahnya.

Program kefahaman Islam mestilah disusun oleh semua jabatan dalam semua sector pentadbiran bagi memastikan sampainya seruan Islam yang lengkap kepada semua pihak dengan menggunakan “al-Hikmah”.

Buku-buku tentang Islam yang boleh menolong mempercepatkan sampainya maklumat sebenar tentang Islam, perlu dikenal pasti oleh pihak yang berkuasa bagi tiap=tiap sector pemerintah untuk tujuan memilih dan mencadangkan buku itu sebagai buku bacaan peribadi yang memungkinkan mereka yang “lebih bodoh” memahami Islam secara bersebdiri di samping mengikuti program-program yang diatur.

Penyelesaian masalah umat Islam bukan tertumpu kepada masalah dunia ini sahaja, tetapi perlu kepada penyelesaian yang lebih utama kepada masalah keakhiratan. Oleh itu, kemudahan-kemudahan tempat ibadat dan penyaksian tempat-tempat itu dengan kegiatan yang boleh menjaminkan kebahgiaan akhirat perlu dititikberatkan.

Sekian.